



## MAJLIS PRA – PELANCARAN PROJEK PERUMAHAN MAMPU MILIK (SWASTA)



Pada 8 November 2019, Majlis Pra – Pelancaran Projek Perumahan Mampu Milik (Swasta) disertai oleh 11 buah syarikat pemaju perumahan swasta dilancarkan dengan penyertaan 15 projek perumahan mampu milik dan juga 1 anak syarikat negeri. Projek-projek perumahan mampu milik ini akan dilancarkan di pelbagai lokasi dengan jumlah keseluruhan unit 46,873.

Majlis pelancaran ini telah disempurnakan oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Menurut YB Zuraida, projek perumahan berkenaan dijangka siap dibina pada awal tahun hadapan dan siap sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun. Tambahan beliau lagi, sekiranya pemaju menggunakan teknologi sistem binaan berindustri (IBS) rumah tersebut dijangka lebih cepat disiapkan kira-kira dalam tempoh satahun setengah.



YB Zuraida turut menjelaskan bahawa projek ini merupakan pembinaan di atas tanah persendirian tetapi lokasinya perlu strategik termasuk berdekatan sekolah dan bandar. Selain itu, pemaju juga perlu sediakan kemudahan seperti dewan serbaguna, surau, taman permainan dan kolam renang ke arah memberdayakan komuniti. Jika tidak, kementerian tidak akan membenarkan pembinaannya. Selain daripda itu, rumah berkenaan akan dijual pada harga bawah RM300,000 mengikut lokasi. Sekat ini, harga rumah paling tertinggi bernilai sekitar RM290,000. YB Zuraida turut bertegas agar pemaju membina rumah mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan Dasar Perumahan Negara.

Senarai pemaju yang terlibat dalam projek ini adalah Pembinaan Kery SDN BHD, Astana Setia & Euro Saga SDN BHD, Besteel Engtech SDN BHD, Ekovest Berhad, Platimun Victory Development SDN BHD, OCR Group Berhad, K.T.I SDN BHD, Sany Construction Industry Development (M) SDN BHD, Eden Element SDN BHD, Ken Hoe Construction Works SDN BHD, Aqrs The Building Company SND BHD dan sebuah anak syarikat negeri Menteri Besar Incorporated (MBI) Selangor.

Antara negeri yang terlibat dalam projek ini adalah Selangor, Johor, Melaka, Sabah, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.